



# MASYARAKAT MELAYU SINGAPURA - ISU AGAMA, BUDAYA & IDENTITI

CIKGU MAAROF SALLEH

# MASYARAKAT MELAYU SINGAPURA - ISU AGAMA, BUDAYA & IDENTITI

---



**MAAROF SALLEH**, berpengalaman lebih 40 tahun sebagai seorang pendidik dan aktivis dalam kerja-kerja kemasyarakatan. Sebagai guru, Cikgu Maarof pernah mengajar di pelbagai peringkat institusi Pendidikan termasuk menjadi tenaga pengajar sambilan di NIE/NTU dan UniSIM. Antara badan-badan kemasyarakatan yang diceburinya termasuk di peringkat kepimpinan ialah HBI, LBKM, Yayasan MENDAKI dan CCIS. Cikgu Maarof pernah menyandang jawatan sebagai Presiden MUIS dan selepas bersara, berkhidmat sebagai Zamil Pelawat Kanan di ISEAS – Institut Yusof Ishak dan Zamil (Penulis Undangan) di Jabatan Pengajian Melayu, NUS.

Dalam bidang profesionalnya itu, Cikgu Maarof banyak menulis dan membentangkan kertas kerja dalam isu-isu berkaitan dengan masyarakat Melayu dan perkembangan Islam semasa. Banyak makalahnya mengenai Islam dan masyarakat yang diterbitkan di akhbar tempatan.

Kini, sebagai seorang pesara, Cikgu Maarof banyak menulis dalam bidang sastera terutama puisi dan cerpen. Karyanya pernah menang Hadiah Persuratan bagi penulisan esei dan cerpen. Cerpennya yang berjudul, “Kereta Api”, telah dipilih untuk memenangi tempat pertama dalam Anugerah Pena Emas peringkat nasional.

Setakat ini, 8 buku hasil penulisannya telah diterbitkan.

## MUKADDIMAH

Di Singapura, sebuah negara majmuk yang mengamalkan pemerintahan terbuka dan sekular, orang *Melayu membentuk kumpulan minoriti yang diiktiraf dalam perlembagaan sebagai penduduk asal (indigenous people)* negerinya tanpa mendapat sebarang hak istimewa kecuali pengiktirafan beberapa kepentingan mereka seperti agama, bahasa dan budaya perlu mendapat perlindungan pemerintah. Dalam kedudukan demikian, masyarakat Melayu perlu bersaing bersama secara terbuka dengan warga Singapura yang lain dalam mencapai kemajuan dan memenuhi aspirasi masing-masing. Inilah antara cabaran-cabaran utama yang akan terus mereka hadapi – dahulu, kini dan masa hadapan.

Sepanjang perjalanan perkembangannya, tentu mustahil menindakkan kemajuan yang sudah dicapai masyarakat Melayu Singapura walaupun masih terdapat beberapa hal yang perlu diperbaiki dan dipercepat kadar pencapaian kemajuannya.

Maka beberapa persoalan yang timbul sebagai implikasi daripadanya termasuk memahami:

- Siapakah itu orang Melayu Singapura?
- Sekitaran di manakah orang Melayu hidup?
- Ke manakah hendak orang Melayu tuju?

**PROSES PERJALANAN SEJARAH** yang dilalui masyarakat Melayu memberi pengaruh dalam pembentukan **IDENTITI MELAYU**.

Beberapa fasa sejarah itu ialah:

- Orang Melayu di zaman *animisme*;
- Pengaruh *Hindu*;
- Kedatangan *Islam* dan pembaharuan yang berlaku;
- Gejala *kemasukan Barat dan kolonialisme*;
- Era *pasca-kolonialisme* dan *kebangkitan nasionalisme*;
- *Kemerdekaan* dan pengisiannya.

Dalam pembentangan ini, saya akan lebih menggunakan pendekatan pengalaman diri dan pemerhatian sebagai seorang pemerhati dan aktivis masyarakat, untuk mengajak khalayak mengongsi dan membahas antara cabaran-cabaran yang timbul berkaitan dengan agama, budaya dan identiti masyarakat Melayu.

## **SAYA ORANG MELAYU SINGAPURA**

Secara peribadi saya mengaku 'Saya orang Melayu Singapura' atas dasar ciri **AGAMA** (Islam) yang saya anuti, **BUDAYA** (Melayu) yang saya hayati dan **IDENTITI** atau jati diri yang saya dikenali. Saya **LAHIR**, bersekolah dan **DIBESARKAN** serta **MENJALANI KEHIDUPAN** hampir seluruh kehidupan saya di Singapura.

## **BUDAYA**

Pemerhatian saya menunjukkan ada kesamaran dan kekeliruan dalam memakai **TAKRIF BUDAYA**. Secara umumnya, 'budaya' lebih ditonjolkan dalam aspek artefak, sehingga menenggelamkan aspek *mentifak*. Kerana penekanan yang tidak seimbang itu, saya berasa takrif Budaya Melayu sering disalahertikan, bukan sahaja oleh orang Melayu sendiri, bahkan orang bukan Melayu juga. Unsur 'nilai' sebagai aspek mentifak yang mendasari budaya tidak menjadi satu bahagian penting yang dapat difahami. Kesannya, timbul salah faham tentang Melayu dari aspek budayanya.

Saya memakai **TAKRIF BUDAYA** merujuk kepada *hasil ciptaan manusia dalam usaha menyesuaikan dirinya berhadapan keadaan sekeliling yang sering berubah-ubah*. Apa yang dilazimkan dalam kehidupannya menjadi cara hidup atau 'budaya'nya.

## **AGAMA**

Kedatangan **AGAMA ISLAM** merupakan satu fasa penting yang ditempuh sepanjang kehidupan orang Melayu di Singapura dan yang mengenakan pengaruh paling besar dan abadi dalam kehidupan mereka. Bahkan, hari ini, *agama Islam dapat dilihat menjadi TERAS kepada kehidupan dan budaya Melayu Singapura*.

Umumnya, agama Islam mengenakan pengaruh paling kuat dan abadi dalam kehidupan orang Melayu di Nusantara (*Rujuk Syed Naquib Al-Attas*). Antara yang ditekankan Profesor Naquib ialah pengaruh kedatangan Islam dalam proses pendemokrasian kehidupan penduduk Nusantara dan anjakan fikiran mereka daripada mitos kepada saintifik.

Singapura tidak terkecuali daripada mengalami proses itu. Bahkan dapat dilihat hari ini umumnya unsur agama Islam menjadi **TERAS** kepada kehidupan dan budaya Melayu Singapura dan dalam *Identiti Melayu* Singapura.

Begitupun, *bentuk dan kedalaman Islam itu difaham, ditafsir dan seterusnya diamalkan tidak semestinya sekata, bahkan kadang-kadang dilihat berbeza. Kelainan ini dipengaruhi suasana atau kebiasaan yang sedia ada, gaya agama atau dakwah disampaikan, trend atau aliran yang lebih berpengaruh dan/atau cenderung diikuti.*

Ini ditunjukkan secara umum dalam cara kehidupan beragama yang diamalkan masyarakat Melayu serta trend fikiran agama yang banyak mempengaruhi mereka.

Contohnya kehidupan beragama mereka sebelum dan sesudah perang.

Dalam era sejeurus selepas perang, pengaruh perkembangan Islam di Timur Tengah banyak mengenakan pengaruhnya ke atas masyarakat Melayu di Nusantara. Tidak terlepas Singapura, Bahkan beberapa usaha yang 'memberi nafas baru' kepada Islam berpusat di Singapura. Bahkan Singapura ketika itu pernah menjadi 'pusat' perkembangan dalam beberapa usaha pengembangan Islam seperti dalam edaran persuratan Islam dan pembangunan madrasah moden terutamanya di dua Negeri Selat di Semenanjung (*Melaka dan Pulau Pinang*).

Perkembangan itu berterusan di era selepas merdeka.

Mungkin yang terdekat ialah di era 1970an dan seterusnya yang dikenal sebagai Era *Kebangkitan Islam*. Perkembangan gerakan Islam di Timur Tengah (disebut kebangkitan semula atau nahdah, reformasi bahkan revolusi seperti di Iran) turut mengenakan percikan di sini walaupun tidak pada kadar yang besar. Terutama di kalangan anak-anak muda, terdapat minat mengikuti perkembangan berita gerakan-gerakan Islam di Mesir, Utara Afrika, Indo-Pakistan, kemudian Iran.

Nama tokoh-tokoh gerakan di sana dan idea dan pemikiran mereka, terutama yang diterbitkan mula dibaca dan ditekuni. Antara mereka termasuk Hassan Al- Banna, Syed Qutb, Muhammad Qutb, Said Hawwa, Abul A'la Maududi, Khomeini, Ali Shariati, Muttahari. Kedekatan Singapura dengan Indonesia juga mempengaruhi corak Islam yang berkembang atau diamalkan.

Perkembangan di era 1970an itu turut mempengaruhi ramai orang, terutama di kalangan golongan muda. Termasuk saya, yang berubah dari seorang yang berkecenderungan Melayu kepada yang lebih berorientasi Islam (daripada nationalist kepada Islamist?). Selain tarikan kepada 'world view' yang lebih sejagat, saya dapati kecenderungan yang sempit dari pendekatan nasionalisme menjadi sebabnya.

Saya sendiri menjadi aktivis dalam gerakan 'syabab' Islam. Menerusi kegiatan itu, saya berpeluang hadir ke beberapa pertemuan peringkat perantauan dan antarabangsa. Saya juga berpeluang bertemu pelbagai rakan sehaluan, dan tokoh-tokoh gerakan Islam yang aktif ketika itu. Semua pengalaman ini selain menambah pengetahuan, turut meluas pengertian saya tentang Islam dan pandangan dunia saya secara amnya.

Pengalaman ini sangat membantu saya ketika kemudiannya diberikan tanggungjawab memimpin MUIS.

Kebetulan, waktu itu saya berasa MUIS juga sedang mengalami perubahan yang positif yang serasi dengan pengalaman dan pengetahuan yang saya miliki.

- Jawatan pemimpin MUIS tidak lagi kekal disandang para pesara asal penjawat pemerintah. Saya melihatnya ada implikasi segar dalam penyaluran idea dan pendekatan.
- Adanya keterbukaan untuk memasyarakatkan MUIS. Kebetulan dalam tahun-tahun yang bertugas, fasa pembinaan masjid-masjid baru sedang berjalan rancak dan pesat. Bukan sahaja keperluan membangun kepimpinan masjid satu keperluan, tetapi usaha memahamkan masyarakat harus berjalan sama demi kemajuan mengimarahkan masjid. Usaha itu membolehkan pembangunan masjid-masjid baru Singapura menjadi contoh yang mendapat penghargaan dari luar.
- Pengambilan tenaga kerja lebih muda dan profesional bertambah rancak kerana keperluan perkembangan program institusi di bawah kelolaan Muis sendiri.
- Menambah penyertaan asatizah kerana keperluan memperimbang gagasan membangun Islam lewat MUIS dengan pendekatan syumul.
- Isu-isu lama di kalangan masyarakat terutama dalam fikah yang kian berkurangan membantu mengurangkan ketegangan. Misalnya debat antara 'Kaum Tua dengan Kaum Muda' dan 'amalan sunnah dengan amalan bid'ah' yang satu ketika banyak menimbulkan tengkarah yang mengambil masa dan tumpuan sudah kini semakin berkurangan.

## IDENTITI

Yang dimaksudkan Identiti Melayu ialah ciri yang membolehkan orang memberi gambaran siapa itu Melayu. Identiti itu boleh berupa sesuatu yang unik kepada Melayu dan yang mirip atau dikongsi dengan orang lain.

Biasanya ada **TIGA** cara bagaimana Melayu itu digambar atau menerangkan siapa itu Melayu:

- Rupa atau gambaran yang keseluruhannya lazim terpakai dan/atau menonjol kepada orang Melayu.
- Rupa atau gambaran yang dilihat orang lain terhadap orang Melayu baik yang berupa fakta, mahupun persepsi orang lain itu.
- Pengenalan yang bermula sebagai sesuatu yang rasmi seperti menerusi peruntukan undang-undang atau keperluan/keselesaan pentadbiran. Aspek ini berlaku sama ada sesuatu yang dikenakan ke atas orang Melayu atau usaha orang Melayu sendiri mahu menggagaskan identiti sendiri. Sebagai contoh, pemerintah kolonial Inggeris mengaitkan identiti Melayu di Semenanjung Malaysia dengan pekerjaan 'bersawah padi'. Dalam penafsiran ini, 'bersawah padi' dianggap satu usaha yang hanya boleh dikerjakan orang Melayu.

Saya ingin mengetengahkan beberapa pengalaman diri saya berkaitan dengan penafsiran identiti Melayu.

**Kes 1:**

Seorang pemimpin kanan politik Melayu pernah menegur saya dengan berkata, "Encik Maarof, you are really un-Malay." Kata-kata itu keluar mungkin disebabkan dia berasa tersinggung kerana saya tidak memberitahunya awal perubahan tempat diadakan sesi sebuah seminar yang dia diundang sebagai seorang anggota panel. Akibatnya pemandunya tersesat di sekeliling kampus sebelum sampai ke tempat baru yang saya sedia menunggunya.

Ajukan terhadap saya sebagai "un-Malay" kemudian dipakai juga oleh beberapa kenalan rapat saya tetapi dengan sebab berlainan. Saya disebut "un-Malay" kerana sikap saya yang dilihat mereka terlalu kritikal dan banyak bertanya meminta penjelasan.



Tokoh politik yang menegur saya 'tidak bersifat Melayu' mungkin sekali beranggapan melayan atau memperlakukan dengan baik seorang yang lebih tua dan berjawatan pemimpin kanan, apa lagi yang diundang sebagai tetamu, sebagai antara ciri identiti Melayu yang telah saya ketepikan atau tidak mematuhi sepenuhnya.

Tetapi, mestikah penafsiran begitu sebagai satu identiti Melayu benar?

Demikian juga ajukan beberapa kenalan yang mungkin beranggapan sikap kritikal itu menyalahi kebiasaan orang Melayu yang mungkin lebih berkecenderungan untuk "conform" dengan kebiasaan umum masyarakat Melayu.

Saya tidak fikir sikap kritikal berlawanan dengan identiti Melayu. Demikian juga sikap menyalahi beberapa kebiasaan umum yang menjadi amalan masyarakat Melayu.

Dalam dunia persuratan Melayu sudah pernah berlaku polemik mengenai doktrin Islam yang dicitus Hamzah Fansuri dan beberapa tokoh seangkatannya seperti Shamsudin al-Sumatrani dan Abdul Rauf dari Singkel, di abad 16, yang menunjukkan sikap dan pandangan kritikal telah sedia ada dalam kehidupan Melayu. Demikian juga tengkarah 'Kaum Tua Kaum Muda' pada dekad-dekad awal sebelum Perang Dunia Kedua. Demikian juga dengan tulisan-tulisan Munsyi Abdullah yang bukan sahaja kririkal terhadap kelemahan Raja-Raja Melayu, bahkan juga terhadap beberapa kelemahan sikap dan pendirian beberapa pentadbir Inggeris, termasuk Raffles sendiri.

## **Kes 2:**

Komentar seorang pegawai sebuah badan bukan Melayu terhadap cara saya memberi respon kepada soalan-soalan khalayak bukan Melayu, termasuk yang bersifat agak provokatif. Katanya, "Haji, saya kagum dengan sikap tenang dan

mesra anda menjawab dan menjelaskan soalan-soalan para peserta. Pandangan anda terhadap Islam cukup munasabah dan sederhana, sesuatu yang kami jarang dengar daripada seorang Muslim.”

Saya menerimanya sebagai satu gambaran bagaimana ‘orang luar’ melihat dan menghurai identiti saya (orang Melayu) yang dibuatnya berdasarkan persepsi umum dirinya terhadap orang Melayu/Islam.

Waktu itu saya hanya tersenyum sambil menjawab ringkas menyatakan sikap saya itu sebenarnya satu yang sepatutnya hal biasa bagi seseorang Muslim.

Tetapi, kemudian, saya perlu mengaku sifat kesederhanaan dalam ‘world view’ dalam melihat dunia dan agama (*Islam*) bukanlah datang secara tiba-tiba. Ia terbentuk daripada pendedahan awal dan pengalaman hidup bersama yang panjang, Bagaimana proses sosialisasi yang dialami seseorang turut membantu. Demikian juga peluang yang diraih untuk membolehkan seseorang itu membudayakan ciri-ciri kehidupan baik yang dimaksudkan.

Sejak zaman persekolahan, keluarga kecil kami hidup berpindah-randah menyewa rumah milik tuan tanah Cina yang sebahagiannya menternak babi. Saya bergaul dengan rakan sebaya daripada keluarga mereka. Disebabkan berpindah-randah itu saya terpaksa berpindah sebanyak lima sekolah dalam masa enam tahun persekolahan rendah. Pengalaman itu membolehkan saya cepat membuat penyesuaian dengan sekitaran dan jiran-jiran baru. Kemudian, lima tahun awal saya menjadi guru, saya ditugaskan mengajar di sebuah sekolah Cina penuh – satu tambahan pengalaman berharga yang membantu keupayaan diri membuat penyesuaian dan mengambil pendekatan sederhana.

Dalam fasa seterusnya, penglibatan saya dalam kegiatan belia membantu meluas pemerhatian dan pengalaman. Kehadiran dan lawatan ke dunia dan masyarakat

Islam menemui penggiat-penggiat Islam, tokoh-tokoh dan dunia pemikiran mereka termasuk berada dalam masa 'pergolakan' sedang berlaku, membantu dalam mendewasakan pandangan dunia saya.

Ketika saya dijemput bekerja sepenuh masa di MUIS, saya berhadapan dengan masalah dan cabaran yang perlu ditangani masyarakat Melayu/Islam Singapura dalam konteks sebuah masyarakat majmuk dan sekular. Peluang memanfaatkan peluang itu dengan setiap pengalaman yang pernah saya jalani dan miliki.

Identiti Melayu juga dapat dipelajari daripada pemerhatian para sarjana yang ada kepentingan dan keprihatinan terhadapnya. Saya peturunkan catatan dua sarjana.

**Frank Swettenham** (*Malay Sketches*, 1884, terjemah Melayu, 2003):

"Jika kita ingin memaham orang Melayu, kita perlu tinggal di negerinya, bertutur bahasanya, menghormati agamanya, meminati apa yang diminatnya, melayan apa yang disukanya, bersimpati dengannya dan menolongnya dalam kesusahan, sama-sama merasa keseronokan dan mungkin juga menanggung kerugiannya. Hanya dengan cara inilah kita mendapat kepercayaannya."

"Biasanya ia bersifat baik hati, gerak-gerinya sopan dan senang berbicara."

"Seorang yang berani dan amanah dalam menjalankan tugas."

"Tetapi yang terutama sekali, dia seorang yang agak konservatif, bangga dan cintakan tanah air dan rakyatnya, memuliakan adat resamnya, takut kepada rajanya, dan menghormati pihak berkuasa...."

Dalam berdepan sesuatu yang baru, orang Melayu, "mencurigai semua jenis pembaharuan dan akan menentang apa-apa pembaharuan yang dipaksakan ke atasnya. Tetapi jika ia diberi masa untuk meneliti sesuatu itu dengan berhati-

hati, dan tidak dipaksakan ke atasnya, maka dia boleh dipujuk dan diyakinkan tentang kebaikan sesuatu yang baru.”

Swettenham menolak dakwaan orang Melayu berperangai suka mengkhianat. Katanya, “...mungkin ada orang lain yang lebih bersifat begitu. Dia seorang yang bersopan dan dia mahu orang lain juga bersikap begitu terhadapnya.”

Antara kritiknya terhadap kelemahan Melayu:

“Orang Melayu tidak pernah menikus, tetapi dengan orang yang tidak dikenalnya dia agak pendiam dan agak curiga, walaupun tidak ditunjuknya.”

“...bersikap suka berbelanja, suka meminjam wang, dan lambat pula membayarnya balik.”

“Orang Melayu pantang menerima sebarang penghinaan, padanya hal ini harus dihapuskan sekalipun dengan pertumpahan darah. Jika dia berasa maruahnyanya dicemarkan, sama ada hal itu betul atau tidak, dia menyimpan perasaan itu dalam hatinya sehingga dia betul-betul dihantui niat untuk menuntut bela.”

**Tunas Effendy** atau Pak Tenas (*Syair Nasib Melayu*):

Selain menyenaraikan kebaikan, Pak Tenas turut mendedahkan kelemahan Melayu, Antaranya:

- Kurang pengetahuan, atau taraf pendidikan yang rendah, menjadi punca Melayu gagal menyediakan diri dalam menghadapi cabaran baru termasuk tekanan dari luar.
- Suka berpuak-puak.
- Kelemahan golongan kepimpinan apabila berada dalam kedudukan berkuasa melebihi kepentingan diri dan kroni sampai sanggup menggadai kepentingan bangsa.

- Dia turut mengingatkan 'orang luar' jangan terlalu mengambil kesempatan daripada kelembutan dan 'sikap baik' orang Melayu. Apabila terlalu ditekan atau dieksploitasi, orang Melayu akan bangkit melawan.

Walaupun orang Melayu suka bertolak ansur, mereka boleh mengamuk menumpahkan darah jika kepala diinjak. Meskipun orang Melayu dilarang menderhaka bahkan bersetia kepada ketua, jika terus-menerus dizalimi mereka akan bangkit mempertaruh nyawa demi menegak keadilan.

Identiti Melayu turut mendapat *penakrifan rasmi*, terutama yang berkaitan kepentingan perlembagaan dan urusan pentadbiran.

Di Singapura, Perlembagaan mengiktiraf orang Melayu sebagai penduduk asal (*indigenous people*) yang beberapa kepentingan mereka termasuk agama, budaya dan bahasa yang perlu dilindungi pemerintah yang ada.

Dalam amalan harian pula, siapa yang dimaksudkan Melayu berbeza mengikut fungsi dan keperluan. Misalnya takrif Melayu bagi tujuan mendapat pengecualian yuran persekolahan berbeza daripada takrif Melayu bagi tujuan menjadi 'calon *Melayu*' untuk bertanding dalam GRC.

Takrif rasmi Melayu bagi orang Melayu Singapura tidak sama dengan di Malaysia. Perlembagaan Malaysia umpamanya mengiktiraf orang Melayu sebagai peribumi di negara itu dan beberapa hak mereka diberi perlindungan. Identiti Melayu di Malaysia kerap dibahas dalam kaitan beberapa hak istimewa orang Melayu, gagasan Ketuanan Melayu dan kedudukan Melayu bersangkutan dengan DEB dan DPN selepas 1990 misalnya.

## RUMUSAN

*Ketidakseragaman pentakrifan/penafsiran identiti Melayu Singapura (yang berkait dengan budaya dan agama), status minoriti mereka dan kedudukan sosio-politik dan ekonomi yang masih rendah* terus menjadi isu-isu berbangkit dalam pembahasan keperihalan mereka.

Antara isu-isu yang timbul:

1. Sejauh mana *politik negara mengenakan pengaruh ke atas kehidupan* masyarakat Melayu sering menjadi isu panas, sebahagiannya bertele-tele sampai kini.

Antara isu yang timbul: kesetiaan Melayu, penyertaan dalam tentera, kesan kuota etnik terhadap harga penjualan semula perumahan awam.

2. Warna Islam dalam Identiti Melayu: *tengkarah dan salahfaham versi Islam; beza pengaraban dan Islam* (seperti juga pembaratan dan kemodenan).

Antara isu yang timbul:

*PengARABan dan Islam*. Mestikah Arab = Islam? (seperti Pembaratan dan Pemodenan).

Kenapa tidak *berfikir kritikal* (kaitannya dengan budaya/agama)

Debat *pengekalan Islam dan kemajuan moden*.

3. Tengkarah salah siapa Melayu lambat maju: debat antara mempertahankan prinsip atau dogmatik? Salah siapa?

Tengkarah isu *strategik / bukan strategik*

Prinsip / bukan prinsip

'*cultural deficit*'

4. Pengaruh *keberadaan anggota parlimen Melayu*.
5. Keberkesanan *peranan cendekiawan Melayu* sendiri dalam usaha memacu kejayaan Melayu sebagai individu mahupun menerusi pembentukan NGO.

Rujuk **Annex 1**.

6. *Model Identiti Melayu*: merombak yang ada dan menekankan yang dipilih sahaja?

## ISU BAHASAN LANJUTAN

- Isu *kematangan memaham dan menanggapi makna* agama, budaya dan identiti,
- Bagaimana kekeliruan dalam menakrif, menafsir dan membudayakan makna sebenar agama, budaya dan identiti dapat dirungkai dan seterusnya dijadikan pegangan kuat semua lapisan masyarakat.
- Apa yang boleh kita, sebagai sebahagian masyarakat Singapura, pelajari di sini *melihat dunia dan menyesuaikannya* dengan keperluan membangun di sini?
- Apakah *kelebihan* dan *kekurangan* kita, bahkan *kesilapan kita* terutama dalam memanfaatkan sumber-sumber sedia ada termasuk peruntukan-peruntukan yang tersedia? Bagaimana kita mengoptimum sumber?
- *Bekalan cendekiawan kita dan penyaluran mereka* dalam kerja-kerja yang bersifat prinsip dan strategik. Adakah sudah kita punya plan membangun dan mengagih peranan cendekiawan untuk mempercepat dan memberi kesan kepada pembangunan masyarakat?
  - Kebulatan sikap dan kerja;
  - Keseimbangan antara kebebasan dan kawalan;
  - Penafsiran dan/atau penafsiran semula gagasan-gagasan utama.

## PENUTUP:

Keberkesanan usaha memajukan diri bukan sahaja akan melonjakkan status Melayu Singapura, bahkan boleh menjadikannya model sebuah masyarakat minoriti dalam sebuah masyarakat majmuk dan perbandaran yang dapat diteladani.

## ANNEX 1

### KEHADIRAN KARYAWAN DAN CENDEKIAWAN BERKESAN DALAM MEMPENGARUHI PEMBENTUKAN IDENTITI

#### CONTOH DI AMERIKA:

#### KEHADIRAN KARYAWAN DAN CENDEKIAWAN BANTU PEMBANGUNAN MUSLIM MINORITI DENGAN MEMANFAATKAN PERUNTUKAN SEDIA ADA:

Antara mereka:

- Aktivis organisasi Islam, jurutera pasukan petugas khas menuenggara Golden Gates, San Francisco.
- **Shabir Mansuri**, terlatih bidang kejuruteraan, aktif bidang pendidikan. Memanfaatkan 'open system' menubuhkan Council of Islamic Education – punya kesan jangka panjang lewat pendididkan di sekolah dalam memberi penerangan ang tepat mengenai Islam secara nasional.
- **Ahmad Sakr** antara pengasas MSA yang kemudian menjadi ISNA. Pernah terpilih sebagai '*Outstandingducator of America.*' Di majlis meraikan saya dia minta saya sampaikan mukadimah ringkas 'Betapa bersihnya masjid di Singapura'.
- **Fazlur Rahman** (*Universiti Chicago*), **Syed Hussain Nasr** (*Harvard – falsafah Islam dan sains*), **Ebrahim Musa** (*Stanford kemudian Duke*), **Abdullah En-Na'im** (*Emory*).
- **Taha Jabir Alwani**, penulis *The Ethics of Disagreement in Islam* – menjelaskan berikhtilaf ada hikmah jika mengikut panduan-panduan yang betul. Mengetengahkan *fiqhal-aqqaliyat* – membantu umat Islam minority menghurai persoalan-persoalan baru dalam kehidupan mutakhir, mengelakkan timbul salah persepsi orang Islam keras kepala, anti-kemodenan, tak boleh hidup rukun dalam masyarakat majmuk.
- **Abul Hamid Abu Sulaiman**, penulis *The Crisis of Muslim Mind*, menganalisis punca kelembapan dunia intelek dan pemikiran Islam yang bermula dari perpecahan golongan yang memperjuang politik Islam ala model negara



Islam pertama di Madinah, dan golongan kepimpinan politik yang mahu membangun dinasti berdasar kesetiaan kabilah dan ethnosentrisme. Bila golongan pertama kalah mereka berundur dan memencil diri tak mahu Islam dicemar golongan yang bersekongkol dengan golongan kedua. Maka timbul sifat/trend *isolationist dan protectionist*.

#### NGO:

- *Council on Islamic Education*: kerjasama cendekiawan Islam dan bukan Islam dari pelbagai universiti untuk bersetuju menghasilkan satu penerangan yang tepat mengenai Islam untuk diterbitkan penerbit-penerbit buku teks dan dipakai di sekolah-sekolah awam.
- *Islamic Society of North America (ISNA)*: wadah mengetengahkan isu-isu yang melibatkan kepentingan Islam dan masyarakat Islam untuk mendapat perhatian umum.
- *Council on American Islamic Relations (CAIR)*: memastikan hak asasi orang-orang Islam terpelihara.
- *American Muslim Council (AMC)*: mendidik masyarakat Islam Amerika dengan perkembangan politik negara itu demi memelihara kepentingan politik Muslim Amerika.
- Kehadiran cendekiawan Muslim dan kewujudan *civil societies* membolehkan orang-orang Islam mengamalkan agama mereka sambil menikmati hak-hak asasi sebagai warga negara Amerika.

## ANNEX 2

MENGONGSI PENGALAMAN PERJALANAN DALAM USAHA MEMACU KEMAJUAN MASYARAKAT MUSLIM MINORITI.

### MANFAAT PERJALANAN

Shirin Housee (pensyarah di bidang sosiologi, penulis perjalanan): “Perjalanan membuka banyak kemungkinan kepada kita: sama ada perjalanan itu sering membuat kita bertanya akan sesuatu yang kita tempuhi, atau pengalaman dari perjalanan itu sendiri sebenarnya menjadi satu-satunya bahan untuk kita membina identiti.”

Paul Edward Theroux (pengarang *The Great Railway Bazaar*, 1975): Perjalanan telah “memberi mata kepadanya.”

Joseph Conrad mengaku takut dengan perjalanan, tetapi menerima hakikat betapa rasa takut itulah yang menguatkan lagi persepsinya terhadap kehidupan. Katanya, “Saya takut, lantaran itu saya wujud; lebih saya berasa takut, lebih saya berasa saya wujud.”

Moritz Thomsen seorang petani, penulis dan sukarelawan Peace Corp Amerika mengaku pengalaman perjalanannya sebagai “*the saddest pleasure*”.

### PERJALANAN LUARAN, PERJALANAN DALAMAN:

Perjalanan luaran membolehkan kita merakam apa yang tertangkap oleh panca indera: sentuhan (tangan), rasa (lidah), hiduan (hidung), penglihatan (mata) dan pendengaran (telinga).

Anda boleh merakam ‘bau kemiskinan’ dengan menghidu bau hanyir dan busuk dari longgokan sampah sarap atau salirana air bercampur najis; mengesan ‘suara kemiskinan’ daripada tangisan anak kecil yang kehabisan susu atau menderita

kudisan, atau dengan menyentuh sendiri kerapuhan lantai-lantai rumah yang dimakan bubuk.

Perjalanan dalaman pula melibatkan pemikiran, emosi, keinginan, ketakutan, perancangan, kebimbangan dan sebagainya.

Apabila dua pengalaman itu dicampuri, kesan keseluruhannya mungkin lebih positif dalam memahami bahaya kemiskinan serta menangani masalah yang terbit daripadanya. Natiyahnya kita boleh menjadi lebih gigih dalam perjuangan melawan kemiskinan.

#### **PERJALANAN DAN KESANNYA ATAS PERSEPSI:**

Sebuah perjalanan mungkin mengukuh, atau merubah, persepsi kita terhadap sesuatu setelah kita berasosiasi dengan masyarakat yang hidup di tempat yang kita datangi, memaham kebiasaan budaya mereka atau menyelami pandangan dunia mereka, terutama dalam memerhatikan bagaimana mereka memberi reaksi atau respons kepada sesuatu stimulasi.



ISSN 2737-5854



9 772737 585006

AN ONLINE  
PUBLICATION BY:



THE MALAY  
HERITAGE  
FOUNDATION

YAYASAN WARISAN MELAYU

CENDEKIAWAN  
**LESTARI**  
SERIES